

PERSPEKTIF ISLAM TENTANG EXPERIENTIAL LEARNING KE PUSAT-PUSAT IBADAH BUKAN ISLAM OLEH PENUNTUT-PENUNTUT INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI BERAGAMA ISLAM DI MALAYSIA

(Islamic Perspective on Education Fields Trips to Non-Islamic Centers of Worship by Muslim Students in Malaysia)

*Ahmad Munawar Ismail¹, Nur Azwanie Che Alias²

Submitted: 05-Jun-2024
Accepted: 14-Jun-2024
Revised: 19-Jun-2024
Published: 30-Jun-2024

Fakulti Pengajian Islam
Universiti Kebangsaan Malaysia
43000 Kajang, Selangor.

*Corresponding author's email: munawar@ukm.edu.my

Abstrak

Experiential learning atau *field trips* adalah konsep pendidikan melalui pengalaman pembelajaran langsung yang diperoleh melalui lawatan ke tempat-tempat di luar lingkungan lazim pendidikan seperti sekolah, kolej dan universiti. Pengalaman ini memungkinkan pelajar mengalami pembelajaran praktis dengan menghubungkan konsep-konsep yang dipelajari di dalam kelas dengan dunia realiti. Melaluinya, perspektif pelajar akan lebih luas sekaligus mendorong pelajar mengembangkan minatnya dan meningkatkan motivasi untuk lebih terlibat dalam menerokai pengetahuan dan peluang baru berkaitan dengan bidang yang dipelajarinya. Namun bagi penuntut-penuntut bidang pengajian Islam, tidak semua *Experiential learning* atau *field trips* ini dibenarkan meskipun berkaitan langsung dengan bidang yang dipelajarinya khususnya dalam bidang perbandingan agama. Lawatan ke pusat-pusat Ibadah bukan Islam adalah penting untuk tujuan pembelajaran dalam bidang ini tetapi konsep pendidikan *field trips* kali ini masih terikat dengan hukum hakam agama yang mesti dipelihara khususnya apabila menyentuh isu-isu berkaitan akidah dan kepercayaan. Tulisan ini adalah hasil kajian dibuat menggunakan metode kualitatif bertujuan mengenal pasti hukum konsep pendidikan bentuk ini dalam dalam konteks lawatan ke pusat-pusat ibadah bukan Islam oleh penuntut-penuntut beragama Islam. Hasil dapatan kajian menunjukkan meskipun terdapat perselisihan pendapat mengenai hukum berkaitan lawatan ke pusat ibadah bukan Islam, iaitu haram, makruh dan harus, namun meneliti kepada syarat-syarat haram, makruh dan harus yang dikemukakan oleh ulama berkaitan dan dengan realiti pusat-pusat ibadah bukan beragama Islam terutama berkaitan patung dan sembahsan maka kesimpulan yang boleh dibuat adalah hukum *experiential learning* atau *field trips* bertujuan memperoleh pengalaman pembelajaran langsung ke pusat ibadah bukan Islam atas apa tujuan sekalipun adalah haram kerana boleh menerbitkan sifat syirik dalam hati sama ada secara langsung mahupun tidak langsung. Adapun lawatan-lawatan bertujuan penyelidikan ke pejabat-pejabat pentadbiran pusat ibadah bukan Islam adalah dibenarkan (halal) dengan syarat memperoleh keizinan daripada pemilik premis dan tiada patung berhala di dalamnya menurut pandangan mazhab Syafie.

Kata kunci: Pendidikan, *Experiential learning*, *Field trips*, Perbandingan Agama, Pusat Ibadah, Islam

Abstract

Experiential learning or *field trips* are educational concepts involving direct learning experiences gained through visits to locations outside the usual educational environment such as schools, colleges, and universities. These experiences allow students to engage in practical learning by connecting concepts learned in the classroom with the real world. Through experiential

learning, students gain broader perspectives, thereby fostering their interests and enhancing motivation to further explore new knowledge and opportunities related to their field of study. However, for students of Islamic studies, not all experiential learning or field trips are permissible, especially those related to comparative religion studies. Visits to non-Islamic places of worship are essential for learning purposes in this field, but the concept of educational field trips is still bound by religious laws that must be upheld, particularly when addressing issues related to faith and beliefs. This paper presents findings from qualitative research aimed at identifying the legal aspects of this educational concept, particularly in the context of visits to non-Islamic places of worship by Muslim students. The research findings indicate that although there are differing opinions regarding the legal aspects of visiting non-Islamic places of worship - whether it is considered haram (forbidden), makruh (disliked), or halal (permissible) - examining the conditions for what constitutes haram, makruh, and halal as presented by relevant scholars, and considering the reality of non-Islamic places of worship, especially regarding statues and worship practices, the conclusion drawn is that the concept of experiential learning or field trips aimed at gaining direct learning experiences at non-Islamic places of worship for any purpose is considered haram as it may lead to the manifestation of shirk (associating partners with Allah) in the hearts, whether directly or indirectly. On the other hand, research visits to the administrative offices of non-Islamic places of worship are halal (permissible) according to Syafie sect, but under the condition of obtaining permission from the premises' owners and there were no worshipping statues in the premise.

Keywords: Education, Experiential learning, Field trips, Religious Comparison, Worship Center, Islam

1.0 PENGENALAN

Malaysia adalah sebuah negara yang unik dan keunikannya itu boleh dilihat pada pelbagai aspek termasuklah agama, bangsa, budaya, makanan, seni dan warisan sejarah. Selain daripada Islam sebagai agama majoriti yang dianuti sebahagian besarnya oleh bangsa Melayu, Kristian, Buddha dan Hindu adalah agama-agama besar lain yang turut dianuti oleh rakyat negara ini yang terdiri daripada bangsa Cina, India, Sikh dan lain-lain. Kepelbagaian agama dan bangsa ini sekaligus membentuk dan mencorak kepelbagaian dalam aspek-aspek lain termasuk budaya, seni, makanan dan tempat-tempat bersejarah. Menghargai kepelbagaian ini, adalah menjadi tanggungjawab persekutuan untuk mencari jalan melalui pelbagai agenda di bawah pelbagai kementerian, jabatan dan agensi untuk memupuk perpaduan dan keharmonian dalam kalangan masyarakat. Antara yang terlibat secara langsung melakarkan usaha berterusan bagi memupuk, mengukuh dan memelihara perpaduan dalam kalangan rakyat adalah Kementerian Perpaduan Negara.

Melaluinya, pelbagai dasar telah dibentuk dan pelbagai modul telah dibangunkan seperti Dasar Perpaduan Negara (DPN), Dasar Membangun Malaysia Madani Melalui Konsep Perpaduan dalam Kepelbagaian, Rangka Tindakan (Blueprint) Perpaduan Negara 2021-2030 dan banyak lagi. Semua ini bertujuan mengukuhkan perpaduan dan integrasi nasional berteraskan Perlembagaan Persekutuan dan Rukun Negara; Membentuk identiti nasional dengan semangat jati diri, patriotik, prihatin, toleransi, saling menghormati dan bertanggungjawab; dan, melahirkan rakyat Malaysia yang menghargai dan mengamalkan perpaduan (Kementerian Perpaduan Negara 2021). Menyedari bahawa kepelbagaian ini merupakan satu keunikan yang sepatutnya dirai dan menjadi kebanggaan bersama maka tugas menjaga dan mengurus perpaduan ini tidaklah diletak di bawah

tanggungjawab Kementerian perpaduan Negara semata-mata malah keakraban di semua peringkat di semua kementerian terus diperkukuhkan demi memelihara perpaduan nasional, kesejahteraan rakyat dan yang paling utama adalah kestabilan negara. Antara yang kementerian lain yang terlibat dalam mempromosi dan melaksanakan misi ini adalah Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM). Fungsi dan peranan ini boleh dilihat dengan jelas di dalam Falsafah Pendidikan Negara iaitu (Kementerian Pendidikan Malaysia 2017),

“Pendidikan di Malaysia ialah satu usaha berterusan ke arah memperkembangkan lagi potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu untuk mewujudkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan. Usaha ini adalah bagi melahirkan rakyat Malaysia yang berilmu, bertanggungjawab dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri serta memberi sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran masyarakat dan Negara”

Peranan dan fungsi pendidikan sebagai alat perpaduan nasional boleh dilihat secara *explicit* dan *implicit* khususnya apabila bahasa kebangsaan dimartabatkan dalam sistem pendidikan kebangsaan. Penggunaan bahasa kebangsaan sebagai medium pendidikan telah dilihat sebagai tunjang kepada kekuatan budaya, identiti dan jati diri nasional; penyuburan budaya ilmu dan pembinaan tamadun Malaysia yang unik; pembangunan instrumen pengukuhan perpaduan; dan sumber penting untuk membangunkan manusia yang bersesuaian dengan keperluan negara yang memerlukan rakyatnya bersatu padu, mempunyai nilai-nilai positif, patriotik dan bangga terhadap negara. Selain daripada medium pengajaran, melalui pendidikan juga ilmu, pengetahuan dan kefahaman pelajar mengenai kesepaduan sosial dikembangkan dalam pelbagai bentuk lain antaranya termasuklah pendidikan melalui *experiential learning* atau *field trips*.

Model *experiential learning* paling berpengaruh yang banyak diguna pakai ialah Model Kolb's *Experiential Learning* (Kolb 1984), iaitu model ini menekankan pengalaman secara nyata sebagai pusat pembelajaran yang menjadi bahagian penting dalam proses pembelajaran (Kolb 2015) yang telah dinyatakan dalam tulisan beliau iaitu: '*knowledge is created through the transformation of experience*'. *Experiential learning* atau *field trips* ini merujuk kepada lawatan pendidikan yang membawa pelajar ke luar bilik kuliah untuk meneroka persekitaran dunia sebenar. Sama ada lawatan ke muzium, alam semula jadi, industri atau tapak bersejarah, kaedah ini menawarkan pengalaman langsung dengan pemerhatian reflektif yang melengkapkan dan meningkatkan pembelajaran bilik kuliah. Ia adalah kaedah di mana pengetahuan teori memenuhi aplikasi praktikal untuk memupuk pemahaman yang lebih mendalam dan penghayatan kepada satu-satu mata pelajaran.

Kaedah ini juga boleh digunakan dalam pelbagai bidang pelajaran, sebagai contoh, bidang pengurusan, pendidikan, sains informasi, psikologi, perubatan, kejururawatan, perakaunan, dan undang-undang (Kolb 2015). Pembelajaran khususnya dalam membantu mencetuskan semangat dan rasa ingin tahu seseorang (Kong 2021). Ini akan mendorong pelajar merasai sendiri pengalaman dan memacu keinginan untuk menerokai hal yang dipelajari dengan lebih mendalam. Kaedah ini berupaya meningkatkan kemahiran, mengembangkan pemahaman baru dan membawa pelajar kepada situasi yang berbeza kerana pembelajaran yang dilalui bukan sahaja berdasarkan pembelajaran teori tetapi diperkukuhkan dengan lawatan-lawatan lapangan untuk merasai pengalaman pembelajaran secara langsung dan merancang penerokaan pembelajaran seterusnya (Stern & Powell 2020). Justeru, dalam konteks perpaduan nasional di Malaysia, kaedah ini adalah

satu alternatif penting dalam pendidikan yang boleh mengeratkan lagi hubungan antara masyarakat pelbagai kaum, agama dan bangsa sekaligus mendorong kesepaduan sosial. Kaedah *experiential learning* atau *field trips* ini boleh dipraktikkan dengan membuat kunjungan ke tapak warisan sejarah seperti Melaka, Pulau Pinang dan Perak; lawatan kampung-kampung budaya seperti di Terengganu, Kedah dan Kelantan; dan kawasan-kawasan penempatan bumiputera seperti di Sabah dan Sarawak.

Dalam hal ini, pendidikan Islam tidak terkecuali. Perpaduan dalam Islam adalah satu kewajiban yang dituntut dipelajari, dilaksanakan dan dilihat dilaksanakan. Seruan dan tuntutan mengenainya disebut berulang kali dalam al-Quran dan hadis. Firman Allah SWT antaranya di dalam surah Ali-Imran ayat 103 yang bermaksud,

“Dan berpegang teguhlah kamu sekalian kepada tali Allah (agama Islam), dan janganlah kamu bercerai-berai; dan kenanglah nikmat Allah kepada kamu ketika kamu bermusuh-musuhan (semasa jahiliyah dahulu), lalu Allah menyatukan di antara hati kamu (sehingga kamu bersatu-padu dengan nikmat Islam), maka menjadilah kamu dengan nikmat Allah itu orang Islam yang bersaudara. dan kamu dahulu telah berada di tepi jurang neraka (disebabkan kekufuran kamu semasa jahiliyah), lalu Allah selamatkan kamu dari neraka itu (disebabkan nikmat Islam juga). Demikianlah Allah menjelaskan kepada kamu ayat-ayat keterangannya, supaya kamu mendapat petunjuk hidayahNya”.

Ayat ini menjelaskan tentang seruan Allah SWT kepada umat manusia tentang tanggungjawab memelihara perpaduan. Dengan kata lain, ayat ini dirujuk sebagai larangan Allah SWT kepada manusia daripada melakukan sebarang perkara atau tindakan yang boleh membawa kepada perpecahan dan menjejaskan keharmonian dan kesejahteraan negara. Oleh kerana itu, Islam perlu difahami dan umatnya perlu menjadi teladan yang memperlihatkan Islam sebagai agama yang menekankan kepada kesatuan, kebersamaan, adil dan berkasih sayang. Usaha memupuk perpaduan dan kesatuan perlu diterajui oleh para pemimpin dalam kalangan umat Islam sendiri kerana mereka adalah teladan utama yang mewakili sifat rahmah dan adil Islam serta membawa mesej dakwah kepada masyarakat pelbagai agama dan bangsa yang ada di negara ini. asas penting kepada sebuah tamadun yang hebat.

Seruan ke arah perpaduan, hormat menghormati dan toleransi agama adalah antara ajaran penting dalam Islam. Ketenteraman tidak akan terbentuk melainkan hubungan di setiap lapisan masyarakat dapat diuruskan dengan baik bermula dari peringkat individu, keluarga, masyarakat dan negara. Perbeza kepercayaan, agama, bangsa, kaum, budaya perlu diuruskan dengan baik dan bijaksana kerana perkara tersebut merupakan fitrah kejadian manusia. Islam telah menggariskan panduan yang jelas berhubung bentuk hubungan antara sesama manusia seluruhnya seiring dengan kedudukan Islam sebagai agama yang bersifat universal dan sejagat. Kesejagatan Islam untuk seluruh manusia telah dinyatakan secara jelas dalam surah Saba' (34) ayat 28, maksudnya;

“Dan tiadalah Kami mengutusmu (wahai Muhammad) melainkan untuk umat manusia seluruhnya, sebagai Rasul pembawa berita gembira (kepada orang-orang yang beriman), dan pemberi amaran (kepada orang-orang yang ingkar); akan tetapi kebanyakan manusia tidak mengetahui (hakikat itu)”

dan dalam surah al-A'raf (7) ayat 158 pula Allah SWT berfirman, maksudNya;

“Katakanlah (wahai Muhammad): Wahai sekalian manusia! Sesungguhnya aku adalah Pesuruh Allah kepada kamu semuanya”.

Kedua-dua ayat ini menunjukkan risalah Islam adalah risalah bersifat sejagat dan kemanusiaan (al-Qaradawi 1997). Rentetan itulah Islam sentiasa terbuka dan responsif terhadap persekitaran dan sentiasa terbuka menerima kepelbagaian dan kewujudan semua pihak serta senantiasa bersedia menerima peradaban asing dan budaya bangsa-bangsa lain di seluruh dunia (Ali Jum'ah 2011). Namun, tidak semua inisiatif untuk menghasilkan semua matlamat yang disebut diterima untuk dilaksanakan. Dalam konteks pendidikan *experiential learning* atau *field trips*, meskipun tujuannya adalah untuk memupuk persefahaman antara muslim dan non muslim bagi membangunkan sikap toleransi, sifat terbuka dan perpaduan nasional namun Islam memiliki garis panduannya yang tersendiri khususnya yang bersangkutan dengan akidah dan kepercayaan.

Pandangan melihat semua agama daripada perspektif yang sama dan kemudian menganjurkan aktiviti-aktiviti seperti “Jom Ziarah Gereja” oleh Kementerian belia dan Sukan, atau apa-apa tindakan yang seumpama dengannya memberi implikasi yang sangat besar kepada umat Islam. Tulisan ini seterusnya akan membahaskan perspektif Islam tentang pendidikan berkonsep ini dengan memberi tumpuan ke lawatan ke pusat-pusat ibadah bukan Islam oleh penuntut-penuntut beragama Islam di Malaysia.

2.0 EXPERIENTIAL LEARNING ATAU LAWATAN DARIPADA PERSPEKTIF AL-QURAN DAN HADIS

Lawatan bermaksud mengunjungi atau suatu aktiviti berkunjung ke sesuatu tempat samada institusi, firma, bangunan, binaan dan sebagainya untuk meninjau, mengetahui atau mempelajari fungsi, aktiviti atau perjalanan sesebuah institusi (Noresah Baharom 2005; Joyce M. Hawkins 2007, Abd Rauf Hassan et. al 2011). Berbeza dengan melancong yang konotasinya lebih kepada aktiviti bersantai di tempat-tempat yang menjadi tarikan, melawat mempunyai tujuan yang lebih berfokus iaitu melakukan suatu aktiviti khusus untuk memperoleh pengalaman baru yang mampu memberi kesan kepada tahap hubungan sosial antara pelawat dan yang dilawati. *Experiential learning* memberikan kebaikan positif bagi pelajar dan guru dalam memastikan kejayaan mendalami ilmu pengetahuan iaitu dapat meningkatkan lagi kefahaman pelajar dala sesuatu pelajaran (Kong 2021).

Aktiviti ini secara asasnya adalah amalan mulia dan cara terbaik untuk mengukuhkan hubungan antara masyarakat yang berbilang agama, bangsa dan budaya. Selain itu juga, ketika proses *experiential learning* pelajar secara semula jadi akan berinteraksi dari segi mental, emosi dan sosial mereka. Pembelajaran seperti ini memberikan konteks baharu untuk pelajar melakukan pembelajaran yang interaktif secara realiti (Uyen, Tong & Lien 2022). Ia juga akan mengingatkan kita tentang persamaan taraf kita semua di sisi Tuhan. Melaluinya juga kita akan saling kenal mengenali dan berkasih sayang tanpa mengira warna kulit, pangkat dan agama (Ibn Kathir 2005; Khadijah Khambali & Herzali Haled 2008). Amalan ini selaras dengan firman Allah SWT dalam al-Hujurat ayat 13 yang bermaksud,

“Wahai umat manusia! Sesungguhnya Kami telah menciptakan kamu dari lelaki dan perempuan, dan Kami telah menjadikan kamu berbagai bangsa dan bersuku puak, supaya kamu berkenal-kenalan dan beramah mesra antara satu sama lain.

Sesungguhnya semulia-mulia kamu di sisi Allah ialah orang yang lebih taqwanya di antara kamu. Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui, lagi Maha Mendalam Pengetahuan-Nya".

Dan Sabda Rasulullah SAW yang diriwayatkan oleh Imam al-Bukhari (1997) dalam kitab Adab al-Mufrad no. hadis 2067 yang bermaksud, "Barangsiapa yang suka diluaskan baginya rezeki, dan dipanjangkan umurnya maka sambungkanlah silaturahim".

Bagi Imam al-Ghazali (2013), amalan berkunjung (melawat) ini terbahagi kepada dua iaitu *zahiriah* dan *batiniyyah*. Perjalanan *zahiriah* bermaksud perjalanan ke negeri-negeri di segenap penjuru bumi. Aktiviti ini perlu dilakukan dengan beradab dan beretika seperti seseorang itu harus membersihkan hati, meluruskan niat dan menghindari daripada melakukan kerosakan. Hal ini kerana, menurut imam al-Ghazali nafsu itu akan lebih mudah nampak kekurangan, kehinaan dan keburukan ketika sedang melakukan aktiviti tersebut berbanding kebaikan, kemuliaan dan kelebihan. Perjalanan *batiniyah* pula bermaksud, perjalanan menuju Allah SWT, iaitu perjalanan terbesar yang membawa manusia mengenal Allah SWT. Perjalanan ini adalah perjalanan menuju Syurga. Sesiapa yang tidak mengalami perjalanan ini, maka dia telah diharamkan dari seluruh kebaikan-kebaikan yang terkandung dalam khabar-khabar dan ayat al-Quran dari perjalanan ini, iaitu (al-Ghazali 2013). Pandangan ini didasarkan kepada firman Allah dalam surah as-Saffat ayat 99 yang bermaksud, "Dan Ibrahim berkata: Sesungguhnya aku pergi menghadap kepada Tuhanku, dan Dia akan memberi petunjuk kepadaku".

3.0 METODOLOGI

Reka bentuk kajian yang digunakan adalah reka bentuk kajian kualitatif. Analisis kandungan dan analisis dokumen telah diguna pakai untuk memperoleh maklumat secara mendalam terhadap isu-isu yang dikaji. Kedua-dua kaedah melibatkan analisis inkuiri terhadap kitab-kitab ulama' mazhab. Kaedah temu bual separa berstruktur juga digunakan untuk mendapatkan maklumat daripada peserta kajian iaitu enam orang pakar daripada pelbagai latar belakang dalam bidang Pengajian Islam. Hasil dapatan dianalisis secara deskriptif dan dapatan temu bual dianalisis menggunakan perisian ATLAS.ti. versi 9.0.15.0. Tema dapatan kajian adalah berkaitan persepektif Islam terhadap *experiential learning* atau *field trips* ke pusat ibadah bukan Islam dan pandangan ulama' mazhab berkaitan *experiential learning* atau *field trips* ke pusat ibadah bukan Islam.

4.0 PUSAT IBADAT DAN PERUNTUKAN PERLEMBAGAAN PERSEKUTUAN

Pusat ibadat didefinisikan sebagai rumah atau bangunan tempat beribadat seperti masjid, gereja, tokong dan kuil; atau suatu institusi atau lokasi di mana sekumpulan orang datang untuk bersembahyang atau melakukan kegiatan keagamaan (Noraesah 2020). Dalam Islam, rumah ibadat merujuk kepada masjid, tempat di mana solat secara berjemaah dilakukan. Dalam sejarah Islam, Masjid diperlihatkan bukan sahaja menjadi tempat solat bahkan pusat kepada semua aktiviti keagamaan, pendidikan, kemasyarakatan, politik dan kebudayaan. Di Malaysia rumah ibadat Islam didefinisikan sebagai satu tempat dengan struktur bangunan dan dilengkapi dengan komponen dan kemudahan untuk membolehkan jemaah melakukan aktiviti keagamaan dan aktiviti masyarakat mengikut tuntutan agama. Berdasarkan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) terdapat tiga kategori rumah

ibadat Islam iaitu Masjid, Surau dan Ruang Solat/Musala yang setiap satunya mempunyai takrifan, klasifikasi dan fungsi yang tersendiri (KPKT 2023). Untuk bukan Islam, rumah ibadat merupakan tempat melakukan amalan dan upacara keagamaan bagi setiap penganut agama masing-masing. Binaan ini adalah bagi memenuhi tuntutan agama bagi mana-mana agama yang mewajibkan rumah ibadat dibina untuk berhimpun dan melaksanakan aktiviti keagamaan. Ia juga merupakan simbolik bagi sesebuah agama tertentu (Nurul Faezah & Zuliza Kusrin 2020).

Dari sudut undang-undang di Malaysia, hak mendirikan rumah ibadat merupakan salah satu hak dalam mengamalkan agama. Berkaitan hal ini, Perlembagaan Persekutuan tidak menghalang agama lain untuk bebas diamalkan di mana-mana bahagian persekutuan walaupun agama Islam memperoleh kedudukan istimewa sebagai agama Persekutuan. Ia juga merupakan satu prinsip yang mana memberikan kebebasan kepada individu atau komuniti untuk menganut dan mengamalkan agama masing-masing. Kebebasan beragama ini dikira sebagai salah satu hak asasi yang fundamental kepada manusia sejagat. Hak beragama bagi penganut dikhususkan dengan lebih jelas meliputi hak menganuti, mengamalkan dan menyebarkan melalui Perkara 11(1).

Hak pembinaan rumah ibadat yang mana merupakan salah satu cabang hak mengamalkan ajaran agama diperjelaskan pada Perkara 11(3) dengan membenarkan kumpulan agama menubuhkan institusi agama mereka. Ia juga meliputi kebenaran menguruskan kewangan institusi agama sendiri serta pengecualian cukai. Di samping itu, hak berkenaan rumah ibadat ini boleh disekat jika ia bertentangan dengan perkara yang dinyatakan dalam Perkara 11(5) iaitu, (5) Perkara ini tidaklah membenarkan apa-apa perbuatan yang berlawanan dengan mana-mana undang-undang am yang berhubungan dengan ketenteraman awam, kesihatan awam atau prinsip moral (Perlembagaan Persekutuan 2020). Meskipun begitu, pembinaan rumah ibadat ini mesti diurus bersama kawalan undang-undang dengan merujuk kepada Garis panduan Pembinaan Pusat Ibadah dalam akta-akta negeri dan Manual Garis Panduan dan Piawaian Perancangan Negeri di Malaysia.

Di Malaysia, tidak semua agama memerlukan pembangunan pusat ibadah khusus. Menurut kajian Nurul dan Zuliza, hanya tiga agama yang secara tertulis dan jelas menyatakan keperluan mendirikan rumah ibadah, iaitu Islam, Buddha, dan Kristian. Perkataan "masjid," "tokong," dan "gereja" terdapat dalam kebanyakan bahagian kitab suci agama-agama tersebut. Sebaliknya, agama Hindu tidak secara khusus menyebut perkataan "kuil" dalam kitab suci mereka untuk menyokong pembinaan rumah ibadah serta adab-adab yang ditetapkan. Walaubagaimanapun, kekurangan tuntutan secara jelas dan tertulis dari agama Hindu tidak bermakna pembinaan rumah ibadah bagi penganutnya tidak wajar. Ini bertentangan dengan undang-undang yang memberikan hak kepada setiap agama untuk mendirikan institusi keagamaan masing-masing, dan juga berpotensi menimbulkan ketidakharmonian di kalangan masyarakat berbilang agama jika hak tersebut dihalang (Nurul Faezah & Zuliza Kusrin 2020). Justeru, pusat-pusat Ibadah bukan Islam dalam tulisan ini merangkumi Gereja, pusat ibadah penganut agama Kristian, Tokong pusat ibadah penganut agama Budha, Kuil iaitu pusat ibadah penganut agama Hindu dan Gurdwara iaitu, tempat ibadah khusus untuk penganut agama Sikh. Perbincangan seterusnya akan menyentuh berkaitan perspektif Islam berkaitan *experiential learning* atau *field trips* ke pusat-pusat ibadah yang disebutkan ini oleh penuntut-penuntut beragama Islam di Malaysia.

5.0 PERSPEKTIF ISLAM TENTANG EXPERIENTIAL LEARNING ATAU FIELDS TRIPS KE PUSAT-PUSAT IBADAH BUKAN ISLAM

Islam sebagai agama yang komprehensif sangat menggalakan amalan ziarah atau melawat dalam usaha membangunkan perdamaian di antara semua manusia di bumi, tanpa memandang dan mengira perbezaan agama, bangsa dan kaum. Ziarah atau melakukan lawatan bukan sahaja usaha berterusan untuk mempererat hubungan silatturahim antara sesama individu, keluarga dan masyarakat tetapi juga menjadi sebahagian integral daripada budaya dan masyarakat umat Islam, khususnya di Malaysia. Ia bukan sekadar sebuah tradisi atau kegiatan, tetapi menjadi sebahagian daripada sistem kemanusiaan yang esensial dan fundamental daripada identiti dan kehidupan bermasyarakat umat Islam di negara ini. Sistem ini meskipun tidak sepenuhnya memberi jaminan ke arah perpaduan maksimum namun jika diterap dan dilaksanakan, usaha untuk mencapai taraf kehidupan yang damai dan harmoni, yang melangkaui batas hubungan darah dan keturunan dalam membentuk kesatuan yang lebih kukuh boleh dicapai. Kepentingan dan keperluan situasi ini khususnya dalam negara multikultural seperti Malaysia diakui secara universal kerana membantu mewujudkan dan menjayakan banyak tujuan manusia dan memenuhi keperluan hidup bermasyarakat dan bernegara secara keseluruhan. Ini sesuai dengan ajaran Islam yang menekankan pentingnya saling membantu, menghormati, menyayangi, menjaga perdamaian, dan memperkuat persatuan, membimbing manusia menuju kehidupan yang lebih terarah dan sempurna sesuai dengan kehendak Allah SWT.

Justeru, dalam konteks *experiential learning* atau *fields trips* bagi tujuan memupuk perpaduan kaum khususnya ke pusat-pusat ibadah bukan Islam secara dasarnya adalah tidak dilarang secara menyeluruh. Meskipun demikian hak kebebasan beragama dalam Islam memiliki ciri-ciri yang eksklusif, yang tidak boleh dipandang sama dari sudut pandang agama lain khususnya perkara-perkara yangt membabitkan iktikad, kepercayaan dan keyakinan seseorang. Dalam Islam, hal boleh difahami dengan jelas melalui kalimah-kalimah yang terdapat di dalam al-Quran dan hadis antaranya seperti firman Allah SWT dalam surah Al-Kahfi 18 ayat 29 yang bermaksud,

"Dan katakanlah (wahai Muhammad): "Kebenaran itu ialah yang datang dari Tuhan kamu, maka sesiapa yang mahu beriman, hendaklah ia beriman; dan sesiapa yang mahu kufur ingkar, biarlah dia mengingkarinya. Kerana kami telah menyediakan bagi orang-orang yang berlaku zalim itu api neraka, yang meliputi mereka laksana khemah; dan jika mereka meminta pertolongan kerana dahaga, mereka diberi pertolongan dengan air yang seperti tembaga cair yang membakar muka; amatlah buruknya minuman itu, dan amatlah buruknya neraka sebagai tempat bersenang-senang".

Al-Tabbari (2009) dalam membahaskan ayat ini mentafsirkan, bahawa hanya Allah SWT sahaja yang berkuasa memberikan hidayah dan kesesatan. Seorang itu bebas untuk memilih. Jika sekiranya seseorang itu ingin memilih untuk beriman maka jadilah ia seorang yang beriman dan begitulah sebaliknya, sekiranya seseorang itu memilih untuk menjadi kafir maka kekafiranlah yang akan berlaku ke atas dirinya. Hal ini dilihat seseorang itu mempunyai pilihan ke atas dirinya. Walau bagaimanapun, di dalam tafsiran tersebut juga Allah SWT turut menyatakan, di atas setiap pilihan yang dilakukan oleh seseorang manusia itu juga Allah SWT telah memberikan satu peringatan berbentuk ancaman dan janji. Bagi mereka yang memilih untuk menjadi kafir dan kufur kepada Allah SWT maka Allah SWT telah menyiapkan atau menjanjikan ancaman bagi mereka api yang mengelilingi (neraka)

dan bagi mereka yang memilih untuk taat dan beriman Allah SWT, Allah SWT akan menunaikan janji-janji yang baik kepada mereka.

Tafsiran ini menunjukkan agama dan ibadah dalam Islam adalah suatu hidayah kebenaran yang ditunjukkan oleh Allah kepada umat Islam manakala agama dan ibadah bagi bukan Islam adalah suatu yang jelas kafir dan bertentangan sama sekali dengan prinsip-prinsip Islam. Walaubagaimanapun pilihan tetap ada pada manusia namun setiap manusia akan bertanggungjawab terhadap apa yang mereka pilih. Justeru, iktikad dan kepercayaan umat Islam ini mesti dikawal, sama ada oleh diri sendiri mahupun kerajaan pemerintah yang menyebut dan menghuraikan dalam perlembagaannya Islam adalah Agama Persekutuan. Aktiviti-aktiviti yang boleh menjurus kepada kegelinciran keyakinan, kerosakan iman atau kestabilan akidah perlu diawasi dengan cermat meskipun atau tujuan-tujuan kebaikan. Pandangan ini selari dengan apa yang disebut oleh Ibnu Kathir (2005), dalam tafsiran beliau pada maksud firman Allah "Tidak ada paksaan dalam ugama (Islam)", iaitu Islam adalah agama yang benar dan terangnya telah terbukti dan bagi mereka yang diterangkan hatinya oleh Allah SWT pasti dia akan memilih Islam sebagai agama dan panduan hidupnya dan begitulah sebaliknya. Dan sebagai seorang Islam kita tidak memiliki hak untuk memaksa seseorang untuk memeluk agama Islam. Pandangan ini dikuatkan lagi dengan firman Allah SWT dalam surah al-Kafirun ayat 6, yang bermaksud, "Bagi kamu ugama kamu, dan bagiku ugamaku". dan apa yang disebut dalam surah Yunus ayat 41 yang bermaksud "Bagiku amalku, dan bagi kamu pula amal kamu. Kamu tidak bertanggungjawab terhadap apa yang aku lakukan dan aku pun tidak bertanggungjawab dengan apa yang kamu lakukan". Jelas, hak kebebasan beragama dalam Islam bukan bermaksud Islam mengiktiraf agama tersebut sebagai benar. Tafsiran ayat ini tidak mengandungi pengakuan keatas agama yang dipeluk oleh mereka, sebaliknya ayat-ayat ini membentuk satu ancaman dan janji yang menakutkan kepada mereka yang tidak memilih dan membuat pilihan dengan betul, iaitu Islam.

Secara umum tafsiran dan pandangan di atas menunjukkan tidak ada keperluan untuk umat Islam melakukan lawatan atau *experiential learning* ke pusat-pusat ibadah bukan Islam atas tujuan apa sekalipun. Namun penjelasan berkaitan perspektif Islam tentang hal ini boleh dilihat dengan lebih kemas melalui pandangan-pandangan ulama seperti berikut,

5.1 Haram

Pandangan ini dikemukakan oleh sebahagian besar ulama daripada mazhab Syafie. Diantaranya termasuklah Imam Syihabuddin Ramli dan Imam ibn Hajar al-Haitami. al-Ramli (2003) dalam kitab beliau *Nihayatul Muhtaj ila Syarh al-Minhaj* menyebut bahawa:

"...Gereja dan biara merupakan salah satu tempat orang-orang kafir kerana ia adalah tempat perlindungan bagi syaitan-syaitan dan adalah dilarang ke atas kita (muslimin) untuk memasukinya dan adalah ditegah kita daripadanya, sekiranya terdapat gambar di dalamnya..."

Alasan pengharaman ini adalah kerana kewujudan patung-patung di dalam rumah ibadat tersebut. Namun begitu, jika tiada patung di dalamnya maka adalah diharuskan (Syihabuddin Ramli 2003). Selain itu, terdapat juga sebahagian ulama mazhab Syafie yang mengharamkan Muslim berada atau berada atau solat di gereja jika umat Kristian melarangnya daripada memasuki tempat ibadat suci mereka. Antara yang berpandangan demikian termasuklah Syaikh Qalyubi (2003) dalam kitabnya *Hasyiyah Qalyubi Wa 'Umairah* yang menyebut bahawa,

"...Tiada harus bagi kita (muslimin) memasuki (biara dan gereja) melainkan dengan izin mereka. Dan jika ada di dalamnya patung yang disembah maka haram

ia (memasukinya) secara mutlak. Demikian itu juga dengan kuil yang ada di dalamnya patung-patung”.

Sementara itu, menurut seorang tokoh ilmuwan Indonesia, Haji Abdul Somad Batubara, yang lebih dikenali sebagai Ustaz Abdul Somad (UAS), beliau menyatakan pendirian yang sama dalam hal ini dan dengan secara tegas mengharamkan umat Islam daripada melawat rumah ibadat agama lain. Ulama yang berasal dari Pekan Baru, Riau, Indonesia ini adalah seorang pendakwah dan ulama yang sering mengulas pelbagai persoalan agama, khususnya dalam kajian ilmu hadis dan fiqh. Beliau juga kerap membincangkan isu nasionalisme dan pelbagai masalah terkini yang menjadi perbincangan hangat di kalangan masyarakat (UIN Banten 2019). Kenyataan ini dibuat sebaik sahaja filem “The Santri” ditayangkan di Indonesia pada tahun 2019, yang memaparkan satu adegan santri (pelajar pondok) memasuki rumah ibadat agama lain dan menumpang di gereja tersebut.

UAS mengulas isu ini dengan mendatangkan dalil bahawa haram hukumnya bagi umat Islam berkelakuan sedemikian. Hal ini berdasarkan perlakuan Nabi Muhammad SAW yang enggan masuk ke dalam gereja yang mengandungi gambar dan patung-patung. Malah, dalam mazhab Shafi'e yang dipegang di Malaysia dan sebahagian Indonesia, umat Islam diharamkan daripada melawat rumah ibadat agama lain yang terdapat berhala di dalamnya (Abdul Somad 2020). Menurut beliau lagi, umat Islam tidak perlu diajar bagaimana untuk berinteraksi sosial dengan saudara non-Muslim. Beliau berpendapat bahawa umat Islam telah lama menjalin hubungan yang baik dan bertetangga dengan mereka. Jika benar masyarakat Muslim bersifat ekstremis, maka tidak mungkin wujudnya penganut agama lain yang telah lama hidup bersama secara harmoni. Beliau menegaskan bahawa umat Muslim boleh menerima untuk berjiran, bersahabat, dan berkawan dengan orang bukan Islam, namun dalam urusan mengunjungi rumah ibadat agama lain, menghadiri ritual, dan aktiviti seangkatan dengannya tidak boleh dikompromi (Abdul Somad 2020).

5.2 Makruh

Sebahagian ulama dalam mazhab Hanafi berpandangan bahawa berada dan solat di dalam gereja adalah makruh. Ibn Nujaim menukilkan fatwa daripada Ibn 'Alaa al-Ansari mengenai kemakruhan memasuki biara Yahudi dan Nasrani kerana tempat tersebut dianggap sebagai tempat berkumpulnya syaitan-syaitan. Namun, terdapat pandangan yang lebih tepat menurut Ibn Nujaim dan Sheikhul Islam ibn Taimiyah, iaitu hukum memasuki rumah ibadat agama lain adalah makruh *tahrimi*, yang bermaksud makruh yang hampir kepada haram. Antara ulama yang termasuk dalam memberi pandangan seperti ini adalah Syeikh Ibnu Abidin (2003) dalam kitab *Roddul Muhtar Alad Durtil Mukhtar* menyebut bahawa “...Bagi seorang Muslim, memasuki gereja hukumnya makruh...”. Selari dengan pandangan ini adalah Syeikh Ibnu Nujaim Al-Mishry (2006) dalam kitabnya *Al-Bahrur Ra'iq Syarh Kanzud Daqaiq* menegaskan,

“...Bagi seorang Muslim, memasuki sinagog (rumah ibadat penganut Yahudi) dan gereja hukumnya adalah makruh. Dan tampaknya, hal itu adalah makruh tahrim (mendekati haram)...

Riwayat daripada Ibn Abbas RA dan Imam Malik menghukumkan makruh berada dan solat di gereja. Pendapat ini juga dipertahankan oleh sebahagian ulama mazhab Syafie. Di sisi lain, Imam Idris al-Bahuti (1999) dari mazhab Hanbali, dalam kitab *Kasyaf al-Qanna'*, memakruhkan solat di gereja yang mengandungi patung. Menurut Imam 'Abd ar-Razzaq as-San'ani (2005) dalam kitab *Musannaf Abdul*

Razzaq, Saidina Umar R.A secara tegas menyatakan, "...Kami tidak masuk ke gereja kamu disebabkan patung-patung dan gambar-gambar yang wujud di dalamnya iaitu yang mempunyai unsur syirik...". Dari petikan ini, jelaslah keengganan Saidina Umar R.A untuk memasuki gereja yang mengandungi patung atau gambar di dalamnya.

5.3 Harus

Perspektif mengenai hukum melawat dan memasuki tempat ibadat agama lain dalam Islam telah dikemukakan oleh majoriti ulama dalam mazhab Maliki dan Hanbali dengan syarat tidak terdapat patung di dalamnya. Pandangan ini turut disokong oleh Ibn Qudamah, yang meriwayatkan bahawa Hasan al-Basri, Umar bin Abdul Aziz, dan Imam al-Bahuti dari mazhab Hanbali juga berpegang pada pandangan ini (Zulkifli al-Bakri 2023).

Pendapat ini selari dengan pandangan Sheikh Muhammad al-Khatib al-Sharbbani (1997) dari mazhab Syafie, yang menyatakan bahawa seorang Muslim diharuskan memasuki tempat ibadat agama lain dengan syarat memperoleh keizinan daripada pemilik tempat ibadat tersebut dan tiada patung berhala di dalamnya. Menurutnya, seseorang Muslim itu tidak diharuskan untuk memasuki gereja-gereja ahli Zimmah kecuali dengan keizinan mereka. Hal itu dibolehkan sekiranya terdapat keizinan. Namun, keharusan melakukan hal itu adalah sekiranya tidak terdapat gambar di dalam gereja tersebut (al-Shirbbani 2000).

Quraish Shihab berpendapat bahawa penetapan hukum tidak dapat dipisahkan dari faktor-faktor yang menyertainya. Beliau mengemukakan prinsip usul bahawa suatu hukum pada dasarnya adalah harus, namun ia boleh berubah menjadi wajib atau haram bergantung kepada faktor-faktor lain yang mempengaruhinya. Dalam konteks ini, kaedah sabb az-zari'ah (menutup pintu kemudahan) digunakan, yang bertujuan untuk menghalang kesan negatif sesuatu perbuatan. Maksudnya, walaupun suatu perbuatan itu pada asalnya harus, tetapi jika dalam keadaan tertentu perbuatan tersebut boleh membawa kepada kemudahan, maka hukumnya boleh berubah dari harus menjadi haram (M. Quraish Shihab 2008).

Secara keseluruhan, pandangan dalam mazhab-mazhab ini menunjukkan keharusan untuk memasuki tempat ibadat agama lain dengan syarat-syarat tertentu seperti ketiadaan patung atau gambar berhala serta memperoleh keizinan daripada pihak yang berkenaan. Pandangan-pandangan ini mencerminkan sikap toleransi dan kehati-hatian dalam menjaga akidah, sambil menghormati tempat ibadat agama lain. Sebagai individu yang menganut agama Islam, adalah penting bagi kita untuk memelihara identiti dan prinsip sebagai seorang Muslim. Oleh itu, *experiential learning* yang bertujuan pelajar Muslim perlu memasuki rumah ibadat agama lain boleh dinyatakan dalam satu garis panduan yang menggunakan hukum atau pandangan daripada ulama' mazhab Syafie iaitu harus dengan syarat berikut: Mendapat keizinan pemilik rumah ibadat; dan, tiada patung atau gambar berhala di dalam premis rumah ibadat tersebut.

Pada masa yang sama, pergaulan dengan individu bukan Muslim adalah satu aspek yang perlu diberi perhatian memandangkan kedudukan dan struktur negara yang terdiri daripada masyarakat majmuk, berbilang budaya dan agama. Selagi interaksi tersebut tidak melanggar prinsip-prinsip agama, maka pergaulan tersebut bukan sahaja digalakkan namun menjadi sebahagian dari nilai-nilai utama dalam Islam yang menggalakkan keamanan dan toleransi antara penganut agama yang berbeza. Walau bagaimanapun, dalam menjalankan kewajipan tersebut umat Islam perlu berhati-hati agar tidak melakukan tindakan yang berkaitan dengan keyakinan

agama bukan Muslim, seperti menggunakan lambang salib, memberi penghormatan kepada altar yang digunakan dalam upacara keagamaan di gereja, atau memberi penghormatan kepada berhala. Mereka juga perlu menghindari tindakan seperti mengelilingi unggun api, memakai bindi, dan sebagainya. Seterusnya, adalah penting untuk menjauhi pakaian keagamaan dari agama lain, seperti vestments, tzitzit, tefillin, atau kalung salib. Islam menekankan pentingnya identiti agama, dan sebagai hamba yang taat, adalah tanggungjawab kita untuk memastikan bahawa identiti Islam kita tidak tercemar dengan adat dan amalan dari agama lain. Oleh itu, adalah penting untuk berhati-hati dan berwaspada dalam menjaga kesucian dan keaslian identiti agama kita (Zulkifli al-Bakri 2023).

6.0 KESIMPULAN

Pusat-pusat ibadah seperti gereja, kuil, tokong dan tempat-tempat ibadah agama lain memainkan peranan yang signifikan dalam kehidupan rohani komuniti-komuniti setiap penganut agama. Bagi orang Islam yang tinggal dalam masyarakat majmuk, persoalan hukum berkaitan dengan melawat pusat ibadah bukan Islam merupakan isu yang kompleks dan penting. Pendekatan terhadap perkara ini melibatkan pemahaman terhadap ajaran agama Islam, norma-norma sosial, dan konteks budaya yang melingkungi individu. Dalam konteks Islam, melawat pusat ibadah bukan Islam melibatkan pertimbangan yang berbeza berdasarkan pandangan ulama dan mazhab. Beberapa ulama membenarkan melawat pusat ibadah bukan Islam, asalkan tindakan tersebut tidak melanggar prinsip-prinsip agama Islam. Mereka memberi argumen bahawa dalam konteks masyarakat majmuk, saling memahami antara agama-agama adalah penting untuk mencapai persefahaman dan keharmonian. Namun, terdapat juga pandangan yang lebih konservatif dalam kalangan ulama dan mazhab yang mengharamkan atau sekurang-kurangnya menasihatkan umat Islam untuk mengelakkan melawat pusat ibadah bukan Islam. Mereka berpendapat bahawa tindakan tersebut boleh membawa kepada penyelewengan dari ajaran Islam dan boleh memberi kesan negatif terhadap keyakinan dan identiti agama umat Islam.

Dalam memahami hukum melawat pusat ibadah bukan Islam, adalah penting untuk mempertimbangkan beberapa faktor. Pertama, adalah penting untuk memahami ajaran Islam secara menyeluruh, termasuk nilai-nilai toleransi, saling menghormati, dan kebebasan beragama. Kedua, adalah penting untuk mengambil kira konteks sosial dan budaya setempat, serta realiti masyarakat majmuk. Selain itu, adalah penting juga untuk berhati-hati terhadap tindakan atau amalan yang boleh membawa kepada penyelewengan dari ajaran Islam. Ini termasuk mengelakkan melakukan tindakan atau ritual agama bukan Islam yang bertentangan dengan prinsip-prinsip tauhid dan ajaran Islam secara umumnya.

Dalam konteks Malaysia, sebagai sebuah negara majmuk yang mengamalkan prinsip-prinsip rukun negara yang menghormati pelbagai agama dan kepercayaan, adalah penting untuk menjaga keharmonian dan persefahaman antara komuniti agama yang berbeza. Ini melibatkan sikap saling menghormati dan memahami antara penganut agama yang berbeza, termasuk dalam hal melawat pusat ibadah bukan Islam. Oleh itu, walaupun terdapat perbezaan pendapat di kalangan ulama dan masyarakat Islam mengenai hukum melawat pusat ibadah bukan Islam, adalah penting untuk menekankan nilai-nilai toleransi, saling menghormati, dan kebebasan beragama dalam menangani isu ini. Dengan memahami perbezaan dan merangkul kepelbagaian agama, kita dapat mewujudkan masyarakat yang harmoni dan bersatu padu, yang merupakan aspirasi

yang diidam-idamkan dalam Islam dan dalam konteks masyarakat majmuk secara umumnya.

7.0 RUJUKAN

- Abd. Rauf Hassan, Abdul Halim Salleh, Khairul Amin Mohd Zain, Wan Norainawati Hamzah. (2011). Kamus Bahasa Melayu- Bahasa Arab Bahasa Arab-Bahasa Melayu. Ed. ke-2 Selangor Darul Ehsan. Oxford Fajar Sdn. Bhd.
- Abd ar-Razzaq as-San'ani. (2005) Al-Musannaf of Abd ar-Razzaq as-San'ani. Saudi: Dar at-Taaseel
- Ali Jum'ah. (2011). Al-Ta 'ayush bain al-Muslimin wa Ghairihim. Dar al-Ifta' al-Masriyyah. No. siri fatwa: 2424, bertarikh 16 Ogos 2011.
- Ali Jum'ah. (2018). Al-Ta'ayush Ma'a al-Akhar fi Dhau' al-Sirah al-nabawiyah al-Usus wa al-Maqasid. Al-Qaherah: Buruj Books.
- Al-Bukhari. (1997). Sahih al-Bukhari. Muhammad Muhsin Khan. 9. Saudi Arabia: Maktabah Dar as-Salam.
- Al-Bukhari. (t.th). Al-Adab al-Mufrad. Yusuf Zainal 'Ali Redha, Muhammad Fu'ad Abdul Baqi. Kaherah: Matba'ah Salfiah.
- Al-Ghazali, Abu Hamid Muhammad bin Muhammad. (2013). Ringkasan Ihya' Ulumuddin. Terj. Syarhan Syafi'e. Selangor: Pustaka al-Ehsan.
- Ibnu Abidin, Muhammad Amin. (2003). Muhaqqiq, Adil Ahmad Abdul Maujud & Ali Muhammad Muawwadh. Roddul Mukhtar Ala Ad-Durrul Mukhtar. Riyadh, Arab Saudi: Dar Alam Al-Kutub & Beirut, Lebanon: Darul Kutub Al-Ilmiyah.
- Ibn Katsir. (2005). Terj. Lubab Tafsir Min Ibn Katsir. M. Yusuf Harun M.A, Abdullah bin Muhammad, M. Abdul Ghoffar E.M. 7. Ed. ke-4. 8. Bogor, Indonesia: Pustaka Imam as-Syafi 'i.
- Ibnu Nujaim al-Mishry. 2006. Al-Bahrur Ra'iq Syarh Kanzud Daqaiq. Karachi, Pakistan: Maktaba Rasheedia.
- Idris al-Bahuti. 1999. Kasyaf al-Qana an Matn al-Iqna. Riyadh: Maktaba al-Nasr al-Haditha.
- Khadijah Mohd Khambali @ Hambali & Mohd Herzali Mohd Haled. (2008). Toleransi Beragama dan Amalannya di Malaysia: Rujukan Kepada Artikel 11 Perlembagaan Persekutuan Malaysia. Jurnal Usuluddin. 27: 81-92.
- KPKT [Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan]. (2023). Garis Panduan Perancangan (GPP) Rumah Ibadat Islam. Putrajaya: Jabatan Perancangan Bandar dan Desa (PLANMalaysia), KPKT.
- KPM [Kementerian Pendidikan Malaysia]. (2017). Dasar Pendidikan Kebangsaan. Putrajaya: KPM.
- KPN [Kementerian Perpaduan Negara]. (2021). Dasar Perpaduan Negara, Perpaduan dalam Kepelbagaian. Putrajaya: KPN.
- Joyce M. Hawkins. (2007). Kamus Dwibahasa Oxford Fajar. Ed. Ke-4. Shah Alam. Shah Alam: Oxford Fajar.
- Kolb, D. A. (2015). Experiential learning: Experience as the source of learning and development. Upper Saddle River, NJ: Pearson
- Kolb, D. A. (1984). Experiential learning: Experience as the source of learning and development. Englewood Cliffs, NJ: Prentice-Hall.
- Kong, Y. (2021). The role of experiential learning on students' motivation and classroom engagement. *Frontiers in Psychology* 12: 771272.
- Muhammad Quraish Shihab. (2008). Quraish Shihab Menjawab 1001 Soal Keislaman yang Patut Anda Ketahui. Ciputat, Tangerang Selatan: Penerbit Lentera Hati.

- Noresah Baharom. (2005). Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka. Ed. ke-4. Selangor: Penerbit Dawama Sdn. Bhd.
- Nurul Faezah Mohd Ahair & Zuliza Mohd Kusrin. (2020). Kawalan Undang-undang Terhadap Pembinaan Rumah Ibadat di Malaysia. *Journal of Contemporary Islamic Law*. Vol.5 (2): 53-64.
- Perlembagaan Persekutuan. (2020). Putrajaya: Pesuruhjaya Penyemak Undang-Undang Malaysia.
- Al-Qaradawi, Yusuf. (1997). *Shumul al-Islam fi daw' sharh mufassal li al-usul al-'ishrin li al-Imam al-Shahid Hasan al-Banna*. Bayrut: Mu'assasat al-Risalah.
- Qalyubi. (2003). *Hasyiah Qalyubi wa Umairah*. Jalaluddin Muhammad bin Ahmad Mahalli. 1. Beirut, Lubnan: Darul Kutub al-'Ilmiyyah.
- Al-Ramli, Syams al-Din Muhammad bin Abi al-'Abas Ahmad bin Hamzah. (1932). *Nihayah al-Muhtaj ila Syarh al-Minhaj*. Al-Qaherah: Maktabah wa Matba'ah Mustafa al-Babi al-Halabi wa Awladih.
- Stern, M.J, & Powell, R. B. (2020). Fields trips and the Experiential Learning Cycle. *Journal of Interpretation Research* 25 (1) 46-50.
- Al-Syirbini, Muhammad bin Muhammad. (2000). *Mughni al Muhtaj*. Beirut, Lebanon: Dar al-Kotob al-Ilmiyyah.
- Uin Banten. (2019). Biografi Ustaz Abdul Somad. Uin Banten Repository. [17 Desember 2023].
[Http://Repository.Uinbanten.Ac.Id/4263/5/Bab%20iii%20riyan%20revisi.Pdf](http://Repository.Uinbanten.Ac.Id/4263/5/Bab%20iii%20riyan%20revisi.Pdf).
- Uyen, B. P., Tong, D. H., & Lien, N. B. (2022). The effectiveness of experiential learning in teaching arithmetic and geometry in sixth grade. In *Frontiers in Education* 7: 858631.
- Zulkifli Mohamad Al-Bakri. (2023). Al-Mawaqif: Melihat Ke Hadapan Dalam Isu Ziarah Rumah Ibadah. #20 Al-Mawaqif: Melihat Ke Hadapan Dalam Isu Ziarah Rumah Ibadah - Zulkifli Al-Bakri (ZulkifliAlbakri.Com). *Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan*. [28 September 2023].